

Batuan dasar di Kiau Taburi kurang stabil: UMS

Oleh RUZAINI ZULKIFLI

ruzainiUB@gmail.com

UB 13-05-2012 A1 & A12

KOTA KINABALU: Kejadian tanah runtuh di Kampung Kiau Taburi, Kota Belud, pada 9 Mei lalu, adalah suatu fenomena yang memang dijangkakan berlaku di kawasan tanah tinggi.

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Felix Tongkul, berkata berdasarkan kajian pemetaan geologi yang dilakukan pihaknya mendapati kawasan terbabit, dalam lingkungan persekitaran Gunung Kinabalu, sememangnya kurang stabil dan mudah mengalami tanah runtuh.



FELIX

“Ini disebabkan bukan sahaja keadaan lereng bukit agak curam dan jumlah hujan tahunan yang tinggi, tetapi

keadaan geologinya yang sememangnya kurang stabil di mana batuan dasarnya terdiri daripada batu pasir dan batu lumpur dan mengalami canggaaan tektonik yang hebat,” katanya.

Felix yang juga Penyelidik Kanan di Unit Penyelidikan Bencana Alam UMS berkata, canggaaan tersebut telah menyebabkan batuan di sekitar kawasan berkenaan yang dikenali sebagai Formasi Crocker dan Formasi Trusmadi terpecah dan terich sehingga kekuatannya agak lemah.

Jelasnya, hasil daripada tinjauan kumpulan penyelidik Unit Kajian Bencana Alam, UMS pada 25 Mac lalu yang diketuai oleh Dr. Ismail

Abdul Rahim, yang kebetulan membuat penyelidikan di sekitar kawasan Kampung Kiau Taburi, mendapati kawasan yang runtuh itu sebenarnya sudah menunjukkan tanda-tanda pergerakan permukaan.

“Hasil tinjauan itu secara jelas memperlihatkan tanda-tanda seperti kerosakan pada jalan iaitu jalan tidak rata, tetapi bertangga-tangga. Kita mendapati terdapat kerosakan kepada sistem perparitan dan tiang-tiang eletrik di situ.

“Berdasarkan temuramah dengan penduduk kampung juga mendakwa pergerakan tanah terbabit sudah lama berlaku, termasuk kejadian tanah runtuh bersaiz kecil di sepanjang jalan,” katanya.



Felix turut mendedahkan sekumpulan penyelidik UMS telah melawat tapak tanah runtuh pada 10 Mei lepas dan mendapati terdapat batuan dasar kawasan terdiri daripada

batu pasir Formasi Crocker yang terpecah.

“Sehubungan itu, kita akan membuat kajian lebih terperinci mengenai insiden tanah runtuh ini bagi

mengenal pasti mekanisme kejadian, seterusnya mencari jalan penyelesaian terbaik,” katanya.

■ Lagi laporan di Muka A12

Kejadian tanah runtuh pada 9 Mei mengundang banyak andaian

Kiau Taburi jadi tumpuan

UB 13.05.2012 A1 & A12

Oleh RUZAINI ZULKIFLI

ruzainiUB@gmail.com

INSIDEN tanah runtuh di Kampung Kiau Taburi, Kota Belud, pada 9 Mei lepas, sedikit-sebanyak mengundang pelbagai andaian selain membawa kepada penyediaan peruntukan membaik pulih yang memakan kos lebih RM10 juta.

Dalam kejadian itu, hampir 3,000 penduduk terjejas apabila Jalan Kiau Taburi putus sama-sekali akibat tanah runtuh terbabit yang dikesan penduduk setempat sejak beberapa hari sebelum itu.

Kejadian itu turut menyebabkan ratusan penduduk termasuk murid sekolah terpaksa berjalan kaki keluar dari kampung ke jalan utama selain bekalan elektrik dan air turut terjejas.

Berikutan itu, pelbagai pihak termasuk Sabah Electricity Snd Bhd (SESB), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengerahkan kakitangan masing-masing bagi memastikan masalah itu dapat ditangani segera.

Tiga kampung yang menggunakan laluan tersebut ialah Kampung Kiau Taburi, Kiau Bersatu dan Kiau Nuluh yang penduduknya terdiri daripada kakitangan kerajaan dan kakitangan Taman-Taman Sabah.

Kejadian itu turut menyaksikan sebuah rumah yang didirikan di lereng bukit tersebut dengan sebuah kenderaan pacuan empat roda menggelongsor turun sehingga kira-kira 200 meter ke bawah.

Malahan insiden terbabit hampir meragut nyawa sepasang suami isteri warga emas yang mendiami rumah tertimbus 70 peratus itu.

Seorang penduduk kampung, Peninus Goliang, 48, ketika ditemui mendakwa beliau telah mengesan pergerakan tanah sebelum itu dan ada menasihatkan penduduk agar tidak membawa kereta melalui jalan berkenaan.



REKAHAN tanah yang jelas kelihatan selepas tragedi itu.



ANA LIUN



PENINUS

“Pada awal pagi kejadian, saya terdengar seperti bunyi letupan dari arah laluan ini, disertai oleh salakan anjing peliharaan saya, dan apabila diperiksa, tanah di laluan ini telah mendap hampir lima kaki,” katanya.

Menurutnya lagi, pada awal pagi tersebut, jalan tersebut masih boleh dilalui, tetapi pada sebelah petangnya jalan tersebut putus sama-sekali.

Jelasnya, hujan yang

berterusan sepanjang minggu mungkin punca tanah runtuh itu dan kejadian berkenaan paling dahsyat yang pernah dialami penduduk di situ.

Ana Liun, 31, dari Kiau Nuluh yang bekerja di Taman-taman Sabah berkata, setiap hari dia bersama anaknya, Elvintino Jainyos, menuju ke jalan besar dengan menggunakan jalan sedia ada, tetapi terkejut apabila mendapati jalan ke kampungnya telah ‘lesap’.

“Namun demikian, kali ini saya terpaksa membawa anak saya menggunakan jalan alternatif yang baru disediakan penduduk kampung di atas bukit,” ujarnya yang masih bimbang kejadian tanah runtuh di situ akan berterusan.

Pegawai Kebajikan Daerah Kota Belud, Jani Lani, berkata sebaik sahaja tanah di kawasan tersebut dikesan gegarannya oleh penduduk, mereka telah



KEADAAN bukit yang diancam fenomena pergerakan tanah.



KELIHATAN sebuah rumah yang terjejas akibat insiden itu terus menghantui penduduk.



KEADAAN rumah berkenaan dari jarak dekat.

membina jalan alternatif di atas bukit.

“Sebaik mendapat laporan tanah runtuh di sini, kami terus datang dengan membawa bantuan segera di bawah TRED (Tabung Rayuan dan Derma) di bawah kerajaan negeri,”

katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, berkata satu laluan alternatif kini dibina bagi menggantikan jalan yang mendap itu.

Sambil menganggap



ANTARA jalan alternatif setelah kejadian tanah runtuh terjadi.

kejadian itu sebagai ‘kes kecemasan’, beliau yang juga Menteri Pembangunan Infrastruktur telah mengarahkan JKR untuk mencari lokasi sesuai sebagai laluan alternatif.

Beliau turut berharap keadaan cuaca menyebelahi kakitangan JKR supaya kerja-kerja berjalan lancar.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan (Adun) Kadamaian, Datuk Herbert

Timbun Lagadan, berkata jentera telah dihantar ke kawasan kejadian untuk melakukan kerja-kerja pembersihan bagi laluan alternatif yang terletak di sepanjang jalan utama Tamparuli-Ranau.

“Di samping itu, Kampung Kiau-Bersatu sehingga Jalan Lobong-Lobong juga dibuka namun tidak boleh dilalui untuk kenderaan kecil,” katanya.